

PMB SUKUK FUND

**(Dahulunya dikenali sebagai
PMB Shariah Balanced Fund)**

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
30 NOVEMBER 2017**

PMB INVESTMENT BERHAD (256439-D)

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

Level 20, 1 Sentral

Jalan Rakyat

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tuan/Puan Yang Dihargai

PMB INVESTMENT BERHAD – MAKLUMAN MENGENAI PRIVASI

Berkuatkuasa 15 November 2013, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) diperkenalkan untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi-transaksi komersial.

Kami di PMB INVESTMENT BERHAD menilai tinggi privasi anda dan menggembeleng usaha untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi anda dalam mematuhi kehendak-kehendak PDPA. Seiring dengan itu, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengeluarkan Notis Privasi kepada semua pelanggan-pelanggan individu kami.

Kandungan Notis Privasi tersebut melibatkan perkara-perkara mengenai pemprosesan maklumat-maklumat peribadi anda oleh pihak kami berkaitan dengan akaun pelaburan anda dan/atau perkhidmatan dengan kami. Sila luangkan masa untuk membaca dan mengambil maklum mengenai isi kandungan Notis Privasi berkenaan.

Notis Privasi tersebut boleh dicapai di dalam laman web kami www.pmbinvestment.com.my dan/atau di pejabat kami sama ada di ibu pejabat atau cawangan-cawangan kami.

Sila hubungi kami di bahagian Perhubungan Pelabur, talian 03-2785 9900 sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan mengenai perkara ini.

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

PMB INVESTMENT BERHAD

(Syarikat Kumpulan Pelaburan MARA)

IBU PEJABAT

Level 20, 1 Sentral
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2785 9800 Faks: (03) 2785 9901
E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my
Laman Web: www.pmbinvestment.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Abdul Malik bin Ismail - Pengerusi
Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul
Dato' Mohammad Safie bin Asnan @ Asnawi
Prof. Dr. Faridah binti Hj Hassan
Mansoor bin Ahmad
Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff
Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman
Najmi bin Hj Mohamed

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Najmi bin Hj Mohamed

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shahrizat binti Othman

JAWATANKUASA PELABURAN

Mansoor bin Ahmad
Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff
Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman
Prof. Dr. Mohamed Aslam bin Mohamed Haneef

PEMEGANG AMANAH

AMNANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

PENASIHAT SYARIAH

BIMB SECURITIES SDN. BHD.

JURUAUDIT BEBAS

JAMAL, AMIN & PARTNERS

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	MAKLUMAT DANA	5
1.1	NAMA DANA	5
1.2	TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA	5
1.3	KATEGORI/JENIS DANA	5
1.4	OBJEKTIF DANA	5
1.5	TANDA ARAS DANA	5
1.6	DASAR PENGAGIHAN DANA	5
1.7	KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT	5
2.	PENCAPAIAN DANA	6 – 7
2.1	KOMPOSISI DANA	6
2.2	PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN	7
3.	LAPORAN PENGURUS	8 – 13
3.1	ANALISA PRESTASI DANA	8
3.1.1	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN	8
3.1.2	BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS	8
3.2	ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT	9
3.3	POLISI DAN STRATEGI PELABURAN	9

No.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
3.4	PERUMPUKAN ASET-ASET DANA	10
3.5	SUASANA PASARAN SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP	11
3.6	SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA	11
3.7	PENGAGIHAN PENDAPATAN DAN KESAN TERHADAP NAB DANA	12
3.8	TERBITAN UNIT PECAHAN	13
3.9	KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT	13
3.10	REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG	13
4.	PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
5.	PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH	15
6.	PENYATAAN PENGURUS	16
7.	LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	17 – 19
8.	PENYATA KEWANGAN	20 – 40
9.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	41 – 42
10.	MAKLUMAT TAMBAHAN	43 – 44
11.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	45 – 46
12.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	47
13.	BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR	48

1. MAKLUMAT DANA

1.1 NAMA DANA

PMB SUKUK FUND - PMB SF (Dahulunya dikenali sebagai PMB Shariah Balanced Fund).

1.2 TARIKH PELANCARAN SEMULA DANA

16 Januari 2017.

1.3 KATEGORI / JENIS DANA

Dana Sukuk/Pertumbuhan dan Pendapatan.

1.4 OBJEKTIF DANA

Menyediakan peluang kepada pelabur memperolehi pulangan yang konsisten dan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana dan panjang melalui pelaburan di dalam sukuk.

1.5 TANDA ARAS DANA

Indeks Sukuk Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM) 3 Tahun - 7 Tahun.

1.6 DASAR PENGAGIHAN DANA

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan bergantung kepada lebih pendapatan sepanjang tempoh kewangan dan akan diagihkan sama ada dalam bentuk tunai atau unit tambahan.

1.7 KEDUDUKAN PEGANGAN UNIT PADA 30 NOVEMBER 2017

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	995	95.95	743,717.93	38.94
5,001 - 10,000	22	2.12	152,586.70	7.99
10,001 - 50,000	17	1.64	301,277.17	15.78
50,001 - 500,000	3	0.29	712,217.59	37.29
500,001 dan ke atas	-	-	-	-
Jumlah	1,037	100.00	1,909,799.39	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 KOMPOSISI DANA

Sektor (%)	30 NOVEMBER		
	2017	2016	2015
Pasaran Utama:	%	%	%
Barangan Pengguna	-	-	2.37
Barangan Industri	-	-	8.18
Pembinaan	-	12.55	9.48
Dagangan & Perkhidmatan	-	14.14	12.98
Infrastruktur	-	2.35	2.31
Teknologi	-	-	3.68
Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) Islam	-	1.81	2.85
Skim Pelaburan Kolektif	-	-	14.29
Deposit Islam dan lain-lain	100.00	69.15	43.86
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	1,375	1,474	1,471
Unit Dalam Edaran ('000)	1,913	2,024	1,942
NAB Seunit - xD (RM)	0.7190	0.7289	0.7573
NAB Seunit - xD: <i>Tertinggi</i> (RM)	0.7387	0.7764	0.7927
: <i>Terendah</i> (RM)	0.7190	0.7282	0.7287
Jumlah Pulangan # (%)	0.79	(0.45)	3.06
- Pertumbuhan Modal # (%)	(1.94)	(3.75)	(0.24)
- Pengagihan Pendapatan (%)	2.73	3.30	3.30
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	* 1.53	1.66	1.63
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	** 0.16	0.26	0.31

Sumber: Lipper

* Peratusan NPP menyusut 0.13 peratusan mata dalam tahun kewangan berakhir 30 November 2017 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini adalah berikutan pengurangan jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak 18.52%. Dalam tempoh yang sama, saiz purata Dana telah berkurangan sebanyak 12.45%.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

2.1 KOMPOSISI DANA (SAMB.)

** Peratusan PGP menyusut kepada 0.16 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017 daripada 0.26 kali pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Tiada aktiviti pembelian sukuk dilakukan sepanjang tempoh tersebut disebabkan oleh nilai aset bersih yang rendah yang tidak memadai bagi pembelian sukuk.

# PURATA PULANGAN (BERAKHIR 30 NOVEMBER)			
	16/01/2017 - 30/11/2017	## 3 Tahun	## 5 Tahun
PMB SF	0.90%	-	-
SUKUK BPAM	4.31%	-	-

# PULANGAN TAHUNAN (BERAKHIR 30 NOVEMBER)					
	16/01/2017 - 30/11/2017	## 2016	## 2015	## 2014	## 2013
PMB SF	0.79%	-	-	-	-
SUKUK BPAM	3.74%	-	-	-	-

Sumber: Lipper

Tiada angka perbandingan memandangkan Dana ini telah menukar tanda aras kepada Indeks Sukuk BPAM 3 Tahun - 7 Tahun berkuatkuasa 16 Januari 2017.

2.2 PENGAGIHAN PENDAPATAN/TERBITAN UNIT PECAHAN

TARIKH/TAHUN	30 NOVEMBER		
	2017	2016	2015
Pengagihan - Kasar (sen seunit)	2.00	2.50	2.50
- Bersih (sen seunit)	^ 2.00	^ 2.50	^ 2.50
Nisbah Unit Pecahan	-	-	-

^ Pengagihan dalam bentuk unit.

Nota: Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Sila rujuk muka surat 41 - 42 bagi asas pengiraan.

Pencapaian Dana pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut nilai pasaran.

3. LAPORAN PENGURUS

Bagi tempoh kewangan berakhir 30 November 2017 (16 Januari 2017 hingga 30 November 2017).


3.1 ANALISA PRESTASI DANA

3.1.1 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN OBJEKTIF PELABURAN

Dana telah mencapai objektifnya untuk memperoleh pertumbuhan pulangan yang konsisten dan pertumbuhan modal yang berterusan dalam jangka masa sederhana dan panjang melalui pelaburan sukuk. Berdasarkan sumber Lipper, pulangan Dana sejak ianya beroperasi sehingga tahun kewangan berakhir 30 November 2017 ialah sebanyak 0.79%. Tiada aktiviti pembelian sukuk dilakukan sepanjang tempoh tersebut disebabkan nilai aset bersih yang rendah iaitu tidak memadai bagi pembelian sukuk. Pengurus telah mengisytihar pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sebanyak 2.00 sen (bersih) seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

3.1.2 BANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN TANDA ARAS

Prestasi Dana berbanding tanda aras* bagi tempoh 16 Januari 2017 (tarikh beroperasi) sehingga 30 November 2017 adalah seperti berikut:-



Graf di atas menunjukkan pergerakan pulangan Dana bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Sepanjang tempoh tersebut, NAB seunit Dana meningkat 0.79%, berbanding kenaikan 3.74% pada penanda aras.

* Dana ini telah menukar tanda arasnya kepada Indeks Sukuk BPAM 3 Tahun - 7 Tahun berkuatkuasa 16 Januari 2017.

3.2 ANALISA PRESTASI DANA BERDASARKAN NILAI ASET BERSIH SEUNIT

Sepanjang tempoh kajian, NAB seunit Dana meningkat sebanyak RM0.0101 atau 1.39% iaitu daripada RM0.7289 (xD) pada 30 November 2016 kepada RM0.7390 (cD) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

3.3 POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Dana melabur di antara 70% dan 99.5% daripada NAB dalam pelaburan sukuk berdenominasi Ringgit Malaysia yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM), institusi-institusi kuasi-kerajaan dan syarikat-syarikat korporat di Malaysia.

Dalam aspek fundamental, Pengurus Dana akan meninjau antara lain, prospek ekonomi domestik dan global, dasar fiskal dan monetari dalam negara, tinjauan kadar keuntungan serta prospek pertumbuhan industri dan syarikat. Dari segi teknikal pula, Pengurus Dana akan mengambilkira, antara lain harga, jumlah dagangan, trend dan hasil pulangan sesuatu sukuk.

Bagi pelaburan dalam sukuk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat korporat di Malaysia, penarafan kredit minimum sukuk atau penerbit sukuk pada masa pembelian adalah seperti berikut:-

(a) Penarafan jangka panjang

AA oleh RAM atau A oleh MARC atau penilaian setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang diiktiraf; dan/atau

(b) Penarafan jangka pendek

P2 oleh RAM atau MARC-2 oleh MARC atau penilaian setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang diiktiraf.

Bagi sukuk yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, BNM atau institusi-institusi kuasi-kerajaan Malaysia atau sukuk yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia, syarat untuk penarafan kredit minimum mungkin tidak digunapakai.

Pengurus Dana akan secara aktif menguruskan Dana ini. Walau bagaimanapun, frekuensi urusniaga sukuk adalah bergantung kepada keadaan pasaran semasa serta penilaian Pengurus Dana.


3.4 PERUMPUKAN ASET-ASET DANA

Pecahan seunit mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-


PECAHAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET				
	30 Nov 2017 (%)	30 Nov 2016 (%)	Perubahan Peratus Mata	Purata Pendedahan Pelaburan (%)
Ekuiti	-	29.04	29.04	14.52
Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) Islam	-	1.81	1.81	0.90
Deposit Islam dan lain-lain	100.00	69.15	30.85	84.58

Berikutan pertukaran objektif utama PMB Syariah Balanced Fund kepada Dana Sukuk, Pengurus telah melupuskan semua pegangan ekuiti. Dalam tempoh kajian berakhir 30 November 2017, pelaburan adalah 100% dalam deposit Islam dan dan lain-lain bentuk pelaburan patuh Syariah yang bersesuaian dengan polisi dan objektif Dana. Ini berikutan peruntukan minimum bagi pelaburan dalam pasaran sukuk masih belum mencukupi.

PERUMPUKAN ASET PMB SF PADA 30 NOVEMBER 2017



PERUMPUKAN ASET PMB SF PADA 30 NOVEMBER 2016



3.5 SUASANA PASARAN SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP

Pasaran bon Malaysia terus menarik minat para pelabur. Tiga lelongan utama terakhir bon kerajaan melibatkan penyertaan pelbagai pelabur. Bukan pemastautin terus menyertai pasaran bon dengan jumlah pelaburan lebih tinggi sebanyak RM6.2 bilion pada suku keempat 2017, mencakupi 27.4% daripada jumlah bon kerajaan terkumpul. Bagi tahun 2017, purata nisbah bida kepada perlindungan melebihi dua kali.

Sentimen pelaburan sedikit sebanyak terjejas pada awal suku 2017 disebabkan oleh faktor luar negara seperti perkembangan geopolitik global dan ketidakpastian tentang pengatur masa kenaikan kadar dasar selanjutnya di Amerika Syarikat. Walaubagaimanapun, pasaran bon dan khususnya kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) disokong oleh permintaan yang kukuh daripada pelabur insitansi domestik berikutan pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih baik daripada jangkaan dan aliran masuk semula bukan pemaustatin. Aliran modal di dalam pasaran bon menunjukkan tanda pemulihan selepas mengalami aliran keluar yang besar iaitu RM62.7 bilion bagi tempoh November 2016 sehingga Mac 2017.

Jumlah dagangan harian purata pasaran bon sekunder pada tahun 2017 ialah RM3.5 bilion. Pada bulan November 2017, jumlah jualan singkat MGS meningkat kepada RM1.6 bilion. Hal ini adalah disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dan pengukuhan nilai Ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat yang meningkat 3.4% pada bulan November 2017.

3.6 SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA

Dalam tempoh setahun berakhir 30 November 2017, Jawatankuasa Dasar Kewangan (*Monetary Policy Committee, MPC*) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada kadar 3.00% setahun.

Menurut BNM, ekonomi global makin kukuh. Pertumbuhan kini lebih mantap dan segerak merentas rantau. Perdagangan dunia telah meningkat dengan ketara. Dalam keadaan prestasi pertumbuhan yang semakin mampan, lebihan kapasiti ekonomi semakin mengecil di negara maju. Di Asia, pertumbuhan telah didorong oleh aktiviti domestik yang mampan dan juga permintaan luaran yang kukuh. Pasaran kewangan pula secara relatif lebih stabil sejak kebelakangan ini. Bagi tahun 2018, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan terus mampan. Meski pun terdapat risiko yang disebabkan oleh perkembangan politik dan dasar di negara ekonomi utama, prospek ekonomi global dijangka terus menggalakkan.

Pertumbuhan ekonomi negara semakin mantap. Prestasi kedua-dua sektor domestik dan luaran terus berkembang. Momentum pertumbuhan telah dirangsang oleh kesan limpahan yang ketara daripada sektor luaran ke atas ekonomi dalam negara. Ini didorong oleh pelaburan syarikat-syarikat swasta untuk meningkatkan kapasiti produktif, peningkatan upah dan penambahan pekerja mereka. Bagi tahun 2018, permintaan dalam negara dijangka terus menjadi sumber utama pertumbuhan.

3.6 SUASANA PASARAN KEWANGAN TEMPATAN SEMASA (SAMB.)

Penggunaan swasta akan terus menjadi pendorong terbesar pertumbuhan, disokong oleh peningkatan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja keseluruhan yang bertambah baik. Pelaburan kekal mantap disokong oleh projek-projek infrastruktur dan pelaburan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor luaran juga akan menjadi pemangkin tambahan kepada ekonomi. Prestasi ekonomi secara keseluruhan dijangka terus kukuh pada tahun 2018.

Inflasi dalam negara sebahagian besarnya dipengaruhi pergerakan harga minyak global. Oleh itu, inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.3% pada bulan September, berikutan kenaikan harga minyak bertapis global akibat gangguan dalam bekalan global. Bagi keseluruhan tahun 2017, inflasi keseluruhan dijangka berada pada paras yang lebih tinggi dalam julat yang diramalkan. Melangkah ke tahun 2018, kadar inflasi keseluruhan diunjurkan menurun berikutan jangkaan pengurangan kesan daripada faktor kos global. Walau bagaimanapun, trend inflasi keseluruhan bergantung pada harga minyak global masa depan yang masih amat tidak menentu. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras didorong oleh keadaan permintaan dalam negara yang kukuh.

Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan. Ringgit semakin kukuh dan lebih mencerminkan asas-asas ekonomi yang bertambah teguh. Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi. Institusi kewangan terus beroperasi dengan penampakan modal dan mudah tunai yang kukuh. Pembiayaan kepada sektor swasta terus meningkat dan menyokong aktiviti ekonomi.

Pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari kekal akomodatif. Dalam keadaan makroekonomi global dan dalam negara yang kukuh, MPC mungkin mempertimbangkan untuk mengkaji tahap akomodasi dasar monetari pada masa ini. Ini adalah perlu untuk memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan.

(Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia)

3.7 PENGAGIHAN PENDAPATAN DAN KESAN TERHADAP NAB DANA

Berdasarkan kepada pendapatan semasa Dana, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah menetapkan pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sebanyak 2.00 sen (bersih) seunit kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

Kesan daripada pengagihan pendapatan tersebut, NAB seunit Dana dilaraskan daripada RM0.7390 (cD) kepada RM0.7190 (xD).

3.8 TERBITAN UNIT PECAHAN

Tiada terbitan unit pecahan dicadangkan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

3.9 KEPENTINGAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Sepanjang tempoh kajian, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selain daripada urusniaga-urusniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.10 REBET DAN KOMISEN TIDAK LANGSUNG

Sepanjang tahun kewangan berakhir 30 November 2017, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham termasuk analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun akan disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

4. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SUKUK FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada PMB SUKUK FUND bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Pada pendapat kami, PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus PMB SUKUK FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit PMB SUKUK FUND sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan PMB SUKUK FUND.

Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

17 Januari 2018

5. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH

PEMEGANG-PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah kepada PMB INVESTMENT BERHAD, selaku Pengurus bagi PMB SUKUK FUND untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh PMB INVESTMENT BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Keempat Belas bertarikh 6 September 2016 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Oktober 2016 adalah mematuhi Syariah.

Pada pendapat kami, berdasarkan laporan-laporan berkala dan penerangan yang kami terima, untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2017, PMB INVESTMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir PMB SUKUK FUND mengikut kehendak Syariah dan mematuhi segala garis panduan, arahan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari aspek Syariah.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio PMB SUKUK FUND yang dikendalikan oleh PMB INVESTMENT BERHAD mengandungi pelaburan melalui simpanan dan instrumen kewangan patuh Syariah dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk dan bagi pihak
BIMB SECURITIES SDN BHD

IR. DR. MUHAMAD FUAD ABDULLAH
Pegawai Syariah Yang Dilantik

KUALA LUMPUR

19 Januari 2018

6. PENYATAAN PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SUKUK FUND

Kami, sebagai Pengarah kepada PMB INVESTMENT BERHAD selaku Pengurus PMB SUKUK FUND berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 30 November 2017, perubahan dalam ekuiti, prestasi kewangan serta aliran tunai Dana untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Untuk dan bagi pihak

PMB INVESTMENT BERHAD

Selaku Pengurus, PMB SUKUK FUND

NAJMI BIN HAJI MOHAMED
Pengarah

YBHG. DATO' AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN
Pengarah

KUALA LUMPUR

12 Januari 2018

7. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SUKUK FUND

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk PMB SUKUK FUND, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2017, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain yang dikemukakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 30 November 2017 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Dana untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2017 selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Kami juga mengesahkan pengiraan Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Pusing Ganti Portfolio yang dibentangkan pada nota 16 dan 17 adalah bertepatan dan munasabah.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Dana yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Dana untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Profesional ("Kod IESBA") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengurus Dana bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat-maklumat lain merangkumi Laporan Pengurus dan Pernyataan Pengurus, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Dana dan laporan juruaudit kami.

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SUKUK FUND (SAMB.)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Dana tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Dana, adalah tanggungjawab juruaudit untuk membaca Laporan Pengurus dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Pengurus tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Dana atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salahnyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Pengurus, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

Tanggungjawab Pengurus ke atas Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia dan Pengurus menentukan kawalan dalaman yang berkaitan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada melibatkan penipuan atau kesilapan. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperolehi pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu pengauditan yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa dapat mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau secara agregat, mereka boleh secara munasabah mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga:

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Pemegang-Pemegang Unit PMB SUKUK FUND (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko-risiko berkenaan dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, memberi gambaran yang salah atau melampaui kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan mewakili urusanniaga dan peristiwa yang dapat mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti semasa audit kami.

Lain-Lain Perkara

Laporan ini disediakan kepada para pemegang unit Dana untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

JAMAL, AMIN & PARTNERS
(No: AF 1067)
Akauntan Bertauliah

AHMAD HILMY BIN JOHARI
(No: 2977/03/18(J))
Akauntan Bertauliah

12 Januari 2018

KUALA LUMPUR

8. PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 30 NOVEMBER 2017

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
ASET			
PELABURAN	4		
Saham tersiarharga di Malaysia		-	446,530
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen di Malaysia	5	986,434	1,004,143
		986,434	1,450,673
LAIN-LAIN ASET			
Keuntungan dari Deposit Islam diterima terakru		1,994	8,129
Dividen diterima terakru		-	392
Tuntutan Cukai		1,070	963
Simpanan Al-Wadiah		428,467	68,434
		431,531	77,918
JUMLAH ASET		1,417,965	1,528,591
LIABILITI			
Terhutang kepada Pengurus	6	871	1,258
Terhutang kepada Pemegang Amanah		47	63
Pengagihan	7	38,260	50,600
Lain-lain sipiutang		3,289	4,119
JUMLAH LIABILITI		42,467	56,040
EKUITI			
Modal unit bersih	8	1,832,532	1,913,922
Kerugian terkumpul		(457,034)	(441,371)
JUMLAH EKUITI		1,375,498	1,472,551
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,417,965	1,528,591
UNIT DALAM EDARAN	8	1,913,000	2,024,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - xD	9	0.7190	0.7275

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
PENDAPATAN PELABURAN			
Keuntungan Dari Deposit Islam		33,587	21,673
Hibah Dari Simpanan Al-Wadiah		822	755
Pendapatan Dari Skim Pelaburan Kolektif		-	7,555
Dividen Kasar		3,475	16,379
Keuntungan Dari Penjualan Pelaburan		36,473	2,619
Kerugian Bersih Pelaburan Di Atas Perubahan Nilai Pasaran Wajar (Fair Value)	10	(28,139)	(27,647)
		<u>46,218</u>	<u>21,334</u>
PERBELANJAAN			
Yuran Pengurus	11	11,180	16,354
Yuran Pemegang Amanah	12	590	1,156
Yuran Audit		2,000	2,000
Yuran Agen Cukai		700	700
Yuran Broker Saham dan Lain-Lain Kos Transaksi	13	1,736	3,293
Cukai Barangan dan Perkhidmatan		782	1,195
Perbelanjaan Pentadbiran		6,633	5,670
		<u>23,621</u>	<u>30,368</u>
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH SEBELUM CUKAI		22,597	(9,034)
Cukai	14	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH SELEPAS CUKAI		22,597	(9,034)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH CUKAI TERHASIL OLEH:			
KEUNTUNGAN DIREALISASI		50,736	18,613
KERUGIAN BELUM DIREALISASI	10	(28,139)	(27,647)
		<u>22,597</u>	<u>(9,034)</u>

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>Modal Unit Bersih</u> RM	<u>Kerugian Terkumpul</u> RM	<u>Jumlah Ekuiti</u> RM
Baki pada 1 Disember 2015		1,849,015	(381,737)	1,467,278
Keuntungan direalisasi		-	18,613	18,613
Kerugian belum direalisasi		-	(27,647)	(27,647)
Perolehan daripada penjadian unit		309,602	-	309,602
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(244,695)	-	(244,695)
Pengagihan	7	-	(50,600)	(50,600)
Baki pada 30 November 2016		1,913,922	(441,371)	1,472,551
Baki pada 1 Disember 2016		1,913,922	(441,371)	1,472,551
Keuntungan direalisasi		-	50,736	50,736
Kerugian belum direalisasi		-	(28,139)	(28,139)
Perolehan daripada penjadian unit		91,967	-	91,967
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit		(173,357)	-	(173,357)
Pengagihan	7	-	(38,260)	(38,260)
Baki pada 30 November 2017		1,832,532	(457,034)	1,375,498

PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Perolehan dari penjualan pelaburan	454,865	733,529
Pembelian pelaburan	-	(348,529)
Dividen diterima	3,760	19,183
Keuntungan dari Deposit Islam	39,722	14,045
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	822	755
Yuran Pengurus telah dijelaskan	(11,641)	(16,269)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(610)	(1,214)
Yuran audit telah dijelaskan	(2,000)	(2,000)
Yuran agen cukai telah dijelaskan	(1,506)	-
Lain-lain perbelanjaan	(9,097)	(10,240)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pelaburan dan operasi	<u>474,315</u>	<u>389,260</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	<u>41,367</u>	<u>261,052</u>
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	<u>(173,358)</u>	<u>(244,695)</u>
Tunai bersih (digunakan dalam)/ diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	<u>(131,991)</u>	<u>16,357</u>
LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	<u>342,324</u>	<u>405,617</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIBAWA KE HADAPAN	<u>1,072,577</u>	<u>666,960</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI DIHANTAR KE HADAPAN	<u>1,414,901</u>	<u>1,072,577</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Simpanan Al-Wadiah	428,467	68,434
Deposit Islam	986,434	1,004,143
	<u>1,414,901</u>	<u>1,072,577</u>

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

PMB SUKUK FUND diuruskan oleh PMB INVESTMENT BERHAD, mula dilancarkan sebagai Kumpulan Modal Bumiputera Yang Kesembilan pada 22 Oktober 1977 dan telah dilancarkan semula sebagai ASM Tanjung Piai Balanced Fund pada 6 Disember 1997. Kemudian pada 26 Jun 2001, Dana ini ditukarkan namanya sebagai ASM Balanced Fund. Dengan persetujuan pemegang-pemegang unit di dalam Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 19 Julai 2012, Dana ini telah ditukarkan nama kepada ASM Shariah Balanced Fund sebagaimana yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Kesembilan bertarikh 9 Oktober 2012, di antara Pengurus (PMB INVESTMENT BERHAD), Pemegang Amanah (AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD) dan pemegang-pemegang unit berdaftar dan telah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 12 November 2012. Berdasarkan Prospektus Induk bertarikh 28 April 2014, Dana ini sekali lagi telah ditukarkan namanya daripada ASM Shariah Balanced Fund kepada PMB Shariah Balanced Fund selari dengan perubahan nama Pengurus daripada ASM Investment Services Berhad kepada PMB INVESTMENT BERHAD.

PMB Shariah Balanced Fund ditukarkan nama kepada PMB SUKUK FUND sebagaimana yang tertakluk dalam Suratikatan Induk Tambahan Keempat Belas bertarikh 6 September 2016 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Oktober 2016.

Aktiviti utama PMB SUKUK FUND adalah melabur di antara 70% hingga 99.5% daripada Nilai Aset Bersih di dalam Sukuk Denominasi dalam Ringgit Malaysia yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM), kuasi-institusi kerajaan Malaysia dan syarikat-syarikat di Malaysia. Dana ini akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Pelaburan MARA Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Dana-Dana Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Dana Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko kecairan, risiko spesifik, risiko kadar keuntungan dan risiko pengurusan modal. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa pemiagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar keuntungan. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Dana.

(b) Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada ketidakupayaan pengeluar atau mana-mana pihak untuk membuat bayaran keuntungan, prinsipal dan hasil daripada pelaburan nyata dari pelaburan patuh Syariah tepat pada masanya. Pengurus Dana menguruskan risiko kredit dengan melakukan pengukuran kredit untuk meminimumkan risiko.

Risiko kredit yang timbul daripada deposit Islam di institusi kewangan berlesen diuruskan dengan memastikan deposit Islam Dana diletakkan di dalam institusi kewangan berlesen yang berwibawa.

Terma-terma penyelesaian hasil dari penjadian unit yang diterima daripada Pengurus dan pelucutan unit dibayar kepada Pengurus ditadbir berdasarkan Garis panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit sebelum sebarang tambahan kredit pada akhir tempoh laporan adalah diwakili oleh amaun aset kewangan seperti yang dinyatakan di bawah:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Sekuriti ekuiti patuh Syariah	-	446,530
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	986,434	1,004,143
Simpanan Al-Wadiah	428,467	68,434
Keuntungan dari Deposit Islam diterima terakru	1,994	8,129
Dividen terakru	-	392
	1,416,895	1,527,628

Pendedahan risiko kredit bagi aset kewangan adalah tertakluk di dalam Malaysia.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Risiko Kredit (Samb.)

Semua aset kewangan Dana pada 30 November 2017 adalah tidak tertunggak atau terjejas.

Kredit kualiti untuk aset kewangan

Dana ini hanya melabur di dalam sukuk dengan setidak-tidaknya mempunyai gred penarafan kredit seperti berikut:-

- (a) Penarafan jangka panjang
AA oleh RAM atau A oleh MARC atau penilaian setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang diiktiraf; dan/atau
- (b) Penarafan jangka pendek
P2 oleh RAM atau MARC-2 oleh MARC penarafan setara oleh mana-mana agensi penarafan kredit yang diiktiraf.

Dana tidak melabur di dalam Sukuk untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Oleh itu, analisa penarafan kategori sukuk tidak dinyatakan.

(c) Risiko Ketidapatuhan

Risiko yang timbul daripada ketidapatuhan dengan peraturan dan dasar dan prosedur dalaman oleh Pengurus disebabkan keadaan seperti kegagalan dalam pengawasan sistem boleh menjejaskan pelaburan pemegang-pemegang unit. Ketidapatuhan juga boleh mendedahkan Dana kepada risiko tinggi yang mungkin mengakibatkan penurunan dalam nilai Dana. Risiko ini dapat dikurangkan dengan kawalan dalaman dan pematuhan yang dilakukan oleh Pengurus.

Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh urusan.

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti yang diurusniagakan dalam pasaran aktif (seperti derivatif patuh Syariah dan urusan patuh Syariah dengan perdagangan awam) didasarkan pada harga pasaran tersiarharga pada penutupan dagangan pada tarikh akhir jangkamasa.

Pasaran aktif adalah pasaran di mana urusan untuk aset dan liabiliti berlaku dengan kekerapan dan jumlah yang memadai untuk memberikan maklumat harga secara berterusan.

Nilai saksama aset dan liabiliti yang tidak diurusniaga dalam pasaran aktif ditentukan dengan menggunakan teknik pengukuran.

Nilai tunai dan persamaan tunai, liabiliti semasa digunakan berpatutan dengan nilai saksama mereka kerana sifat jangkamasa yang pendek.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Risiko Ketidakpatuhan (Samb.)

Nilai Saksama

Dana mengklasifikasikan ukuran nilai saksama menggunakan hierarki nilai saksama yang mencerminkan kepentingan input yang digunakan untuk membuat pengukuran. Hierarki nilai saksama mempunyai tahap berikut:-

- Tersiarharga (terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama (tahap 1).
- Input selain daripada harga yang disebut dalam tahap 1 yang dilihat bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu sebagai harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga derivatif) (tahap 2).
- Input untuk aset dan liabiliti yang tidak berdasarkan pada tarikh pasaran (input yang tidak boleh diperhatikan) (tahap 3).

Tahap dalam hierarki nilai saksama yang mana pengukuran nilai saksama secara keseluruhannya dikategori berdasarkan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksamanya secara keseluruhannya. Ini adalah untuk kepentingan sesuatu input dinilai berdasarkan pengukuran nilai saksama sepenuhnya. Sekiranya pengukuran nilai saksama menggunakan input yang ketara memerlukan palarasan input yang ketara, pengukuran itu adalah pengukuran tahap 3. Menilai kepentingan input tertentu kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhannya memerlukan pertimbangan dengan mempertimbangkan faktor-faktor khusus untuk aset dan liabiliti.

Penentuan apa yang "ketara" memerlukan pertimbangan yang ketara oleh Dana. Dana ini menganggap data yang ketara sebagai data pasaran yang tersedia, biasa diedarkan atau dikemas kini, dipercayai dan boleh disahkan, bukan yang disediakan oleh sumber bebas yang terlibat secara aktif dalam pasaran yang berkaitan.

(d) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam deposit Islam dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(e) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang terjadi melalui aktiviti pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah.

(f) Risiko Kadar Keuntungan

Secara umum, apabila kadar keuntungan meningkat, harga sukuk yang tidak tersiarharga akan cenderung jatuh dan sebaliknya. Oleh itu, nilai aset bersih Dana mungkin juga akan jatuh apabila kadar keuntungan meningkat atau dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang unit Dana perlu sedar bahawa sekiranya Dana memegang sukuk yang tidak tersiarharga sehingga matang, turun naik harga akan berkurangan apabila ia mendekati tarikh matang, dan oleh itu pertumbuhan nilai aset bersih tidak akan terjejas pada tarikh matang. Untuk mengurangkan pendedahan risiko kadar keuntungan Dana, Pengurus akan menguruskan tempoh portfolio melalui aset yang dipegang sama ada lebih pendek atau lebih lama bergantung kepada trend kadar keuntungan masa depan oleh Pengurus, yang berdasarkan penyelidikan dan analisis berterusannya.

Risiko kadar keuntungan adalah penting kerana pengurusan portfolio sukuk yang tidak tersiarharga bergantung kepada jangkaan pergerakan kadar keuntungan. Sukuk tidak tersiarharga dengan kematangan lebih lama dan kadar kupon hasil yang lebih rendah lebih mudah terdedah kepada pergerakan kadar keuntungan.

Pemegang-pemegang unit Dana perlu ambil perhatian bahawa pelaburan tidak tersiarharga dalam sukuk dan deposit Islam mungkin tertakluk kepada kenaikan kadar keuntungan yang tidak dijangka mungkin menjejaskan keupayaan penerbit sukuk untuk membuat bayaran keuntungan dan prinsipal, terutamanya jika penerbit sukuk mempunyai margin jaminan yang terhad atau telah ditetapkan. Oleh itu, peningkatan dalam kadar keuntungan mungkin meningkatkan kemungkinan untuk penerbit sukuk gagal membayar keuntungan dan prinsipal.

(g) Risiko Pengurusan Modal

Modal Dana diwakili oleh langganan pemegang-pemegang unit Dana. Jumlah modal boleh turun naik mengikut langganan harian dan penebusan unit mengikut budi bicara pemegang-pemegang unit. Modal Dana diuruskan mengikut objektif Dana dan mengekalkan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi penebusan unit.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan diubahsuai bagi mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dasar perakaunan yang digunakan bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017 adalah konsisten dengan yang digunakan pada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2016.

Dana masih belum menerimapakai MFRS berikut yang diterbitkan oleh MASB tetapi belum berkuatkuasa.

Tarikh Kuatkuasa
Bagi Tahun
Kewangan Bermula
Pada Atau Selepas

MFRS 9	Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)	1 Januari 2018
--------	---	----------------

Penggunaan piawaian di atas dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Dana.

(b) Anggaran Perakaunan dan Pengukuran

Penyediaan penyata kewangan Dana mematuhi MFRS dan IFRS dengan mengkehendaki Pengurus membuat pengukuran, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh pelaporan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Tidak terdapat ketidakpastian anggaran yang signifikan penting dan pertimbangan kritikal dalam melaksanakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini.

(c) Pengiktirafan Pendapatan

Keuntungan daripada sukuk dan deposit Islam diiktiraf berdasarkan dasar akruan dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

(d) Saham Tersiarharga

Saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan. Ini adalah bagi mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia - MFRS 139.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Saham Tersiarharga (Samb.)

Walau bagaimanapun Unit Amanah ini tertakluk kepada Suratikatan Amanah (Trust Deed) di mana saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan. Oleh yang demikian, bagi sebarang urusan jual beli unit amanah pada tarikh pelaporan ini, harga sebenar jual beli unit amanah tersebut adalah dinyatakan di dalam Nota 9.

(e) Pendapatan Dividen

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akrual sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "xD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia. Mulai 1 Januari 2008, dividen satu peringkat telah diperkenalkan dan semua dividen yang diagihkan oleh syarikat mastautin dikecualikan cukai di Malaysia.

(f) Pendapatan Dari Skim Pelaburan Kolektif

Pendapatan dari Skim Pelaburan Kolektif diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

(g) Keuntungan dari Deposit Islam

Keuntungan dari deposit Islam adalah diambilkira berdasarkan asas akrual. Keuntungan yang diterima oleh Dana ini daripada mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Insitusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 mendapat pengecualian cukai selaras dengan peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).

(h) Keuntungan dari Penjualan Pelaburan

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajar. Mengikut ACP 1967, keuntungan ini tidak dianggap sebagai pendapatan Dana dan tidak tertakluk kepada cukai.

(i) Kerugian Belum Direalisasi

Kerugian belum direalisasi mewakili kerugian akibat daripada perubahan pada Nilai Pasaran Wajar bagi saham tersiarharga yang menggunakan harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada tarikh pelaporan berbanding dengan tarikh kewangan sebelumnya.

(j) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(k) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(l) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai meliputi deposit Islam dan simpanan Al-Wadiah dengan bank dan institusi kewangan berlesen di mana simpanan tersebut adalah berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah.

(m) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrument tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada mulanya, pada nilai saksama ditambah, dalam kes instrumen kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitan instrumen kewangan.

(ii) Kategori Instrumen Kewangan dan Pengukuran Seterusnya

Instrumen kewangan kategori Dana seperti berikut:-

Aset Kewangan

(a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan Atau Kerugian

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau aset kewangan yang khusus ditakrifkan ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif yang dikaitkan dengan dan mesti diselesaikan melalui penyampaian instrumen ekuiti yang tidak tersiarharga yang nilai saksama tidak boleh dinilai dengan pasti diukur pada kos.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah dinyatakan pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian yang dialami dari pengukuran semula diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(m) Instrumen Kewangan (Samb.)

(ii) Kategori Instrumen Kewangan dan Pengukuran Seterusnya (Samb.)

Aset Kewangan (Samb.)

(b) Pinjaman dan Aset Kewangan Belum Terima

Kategori pinjaman dan aset kewangan belum terima adalah instrumen hutang yang tidak tersiarharga dalam pasaran aktif yang terdiri daripada deposit, baki bank dan penghutang.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah tertakluk kepada semakan untuk kerosakan.

Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian merangkumi liabiliti kewangan yang derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang secara khusus ditetapkan dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif yang berkait dengan dan mesti diselesaikan dengan penyampaian instrumen ekuiti yang tidak tersiarharga yang nilai saksama tidak boleh dinilai dengan pasti pada kos.

Liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah dinyatakan pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian yang dialami dari pengukuran semula diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(iii) Ketetapan Pembelian atau Penjualan Aset Kewangan

Pembelian atau penjualan aset kewangan ialah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak yang istilahnya memerlukan penghantaran aset dalam jangkamasa yang ditetapkan secara umumnya oleh peraturan atau konvensyen di pasaran yang bersangkutan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(m) Instrumen Kewangan (Samb.)

(iii) Ketetapan Pembelian atau Penjualan Aset Kewangan (Samb.)

Pembelian atau jualan cara biasa diiktiraf dan tidak diiktiraf, seperti yang berkenaan, menggunakan tarikh urusniaga perakaunan. Tarikh urusniaga perakaunan merujuk kepada:-

- (a) Pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti untuk membayarnya pada tarikh urusniaga, dan
- (b) Penyahiktirafan aset dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian di atas pelupusan dan pengiktirafan yang diterima daripada pembeli bagi pembayaran pada tarikh urusniaga.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya yang tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual untuk aliran tunai dari aset kewangan luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran aset. Apabila pengiktirafan aset kewangan berbeza di antara nilai bawaan dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak itu dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila tidak mengiktiraf liabiliti kewangan, perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dipadankan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan yang dibayar diiktiraf dalam untung atau rugi.

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	-	418,391
Lebihan nilai pasaran	-	28,139
Nilai Pasaran	-	446,530
(b) Deposit Islam	986,434	1,004,143
Jumlah Pelaburan	986,434	1,450,673

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

5. DEPOSIT ISLAM

Deposit Islam adalah meliputi simpanan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Bank-bank Islam	986,434	1,004,143

Purata kadar keuntungan sepanjang tahun kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup kewangan adalah seperti berikut:-

	<u>Purata Kadar Keuntungan</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
Bank-bank Islam	3.29	39

6. TERHUTANG KEPADA PENGURUS

Terhutang kepada Pengurus merupakan yuran Pengurus yang terakru bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

7. PENGAGIHAN

Peruntukan ini merupakan pengagihan pendapatan (akhir) yang disyorkan sebanyak 2.00 sen (kasar) (bersih: 2.00 sen) seunit [2016: Pengagihan pendapatan dalam bentuk unit sebanyak 2.50 sen (kasar) (bersih: 2.50 sen) seunit] yang akan diagihkan dalam bentuk unit kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017 selaras dengan objektif Dana. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada 30 November 2017.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

7. PENGAGIHAN (SAMB.)

Pengagihan kepada Pemegang-Pemegang Unit adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Dividen kasar	3,475	16,379
Keuntungan dari Deposit Islam	33,587	21,673
Hibah dari Simpanan Al-Wadiah	822	755
Keuntungan dari penjualan pelaburan	36,473	2,619
Pendapatan dari Skim Pelaburan Kolektif	-	7,555
Keuntungan diagihkan pada tahun semasa	-	31,987
Keuntungan tidak diagihkan pada tahun semasa	(12,476)	-
	<u>61,881</u>	<u>80,968</u>
Perbelanjaan	(23,621)	(30,368)
	<u>38,260</u>	<u>50,600</u>
Unit dalam edaran	<u>1,913,000</u>	<u>2,024,000</u>
Pengagihan kasar seunit (sen)	<u>2.00</u>	<u>2.50</u>
Pengagihan bersih seunit (sen)	<u>2.00</u>	<u>2.50</u>

Pengagihan dibuat setelah mengambilkira kerugian belum direalisasikan dalam tahun kewangan semasa berjumlah RM28,139 (2016: RM27,647).

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	2,024,000	1,913,922	1,942,000	1,849,015
Penjadian dalam tahun	126,000	91,967	405,000	309,602
	<u>2,150,000</u>	<u>2,005,889</u>	2,347,000	2,158,617
Perlucutan dalam tahun	(237,000)	(173,357)	(323,000)	(244,695)
Baki dihantar ke hadapan	<u>1,913,000</u>	<u>1,832,532</u>	2,024,000	1,913,922

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017

9. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Dana daripada jumlah aset Dana.

Bagi mematuhi MFRS 139 di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini, saham tersiarharga telah dinilai menurut harga tertinggi tawaran (Bid Price) pada penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh pelaporan berbanding dengan Suratikatan Amanah yang menetapkan nilai pasaran pada harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia bagi penetapan harga jualan dan belian unit amanah pada tarikh tersebut.

Oleh yang demikian, pada 30 November 2017 dan 30 November 2016 penyesuaian bagi nilai aset bersih seunit untuk tujuan agihan kepada pemegang-pemegang unit amanah pada tarikh di atas adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	RM	RM /Unit	RM	RM /Unit
Nilai aset bersih seunit bagi agihan jual/beli unit amanah	1,375,498	0.7190	1,475,319	0.7289
Perbezaan nilai aset bersih apabila mematuhi MFRS 139	-	-	2,768	0.0014
Nilai aset bersih seunit yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang unit seperti yang dinyatakan di Penyata Kewangan	1,375,498	0.7190	1,472,551	0.7275

10. KERUGIAN BERSIH PELABURAN DI ATAS PERUBAHAN NILAI PASARAN WAJAR (FAIR VALUE)

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Keuntungan belum direalisasi dari saham tersiarharga	-	28,139
Keseluruhan keuntungan belum direalisasi	-	28,139
Tolak: Keuntungan belum direalisasi tahun terdahulu	28,139	55,786
	<u>(28,139)</u>	<u>(27,647)</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

11. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, PMB INVESTMENT BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 0.75% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

12. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 0.04% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

13. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER (01/12/2016 – 30/11/2017)

Nama Broker/Dealer	Nilai Transaksi		Komisen & Fi	
	RM	%	RM	%
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	155,250	34.13	591	34.04
AmlInvestment Bank Bhd.	121,110	26.63	462	26.61
BIMB Securities Sdn. Bhd.	103,320	22.71	394	22.70
Affin Hwang Investment Bank Bhd.	75,185	16.53	289	16.65
Jumlah Transaksi	454,865	100.00	1,736	100.00

14. CUKAI

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Peruntukan cukai semasa	-	-

Cukai adalah dikenakan pada kadar 24% (2016: 25%) ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

14. CUKAI (SAMB.)

Penyelarasan di antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan didarabkan dengan kadar cukai 24% dan 25% bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017 dan 30 November 2016 adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai	22,597	(9,034)
Cukai Malaysia @ 24% (2016: 25%)	(5,423)	2,259
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	11,092	5,334
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	(5,669)	(7,593)
Peruntukan cukai semasa	-	-

15. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Dana ini adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
PMB INVESTMENT BERHAD	3,200.61 unit bernilai RM2,301.24	1,588.21 unit bernilai RM1,157.65
Pengarah-Pengarah	Tiada	Tiada
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM11,180	RM16,354

Urusniaga-urusniaga di antara Dana dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi pemiagaan yang normal. Pegangan Unit Pengurus adalah berasaskan pegangan benefisial.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2017**

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
NPP = $\frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga}} \times 100$	1.53%	1.66%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Dana berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

17. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
PGP = $\frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}}{2}$ Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga	0.16 kali	0.26 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Dana bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

18. MATAWANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 30 NOVEMBER 2017

<u>BIL.</u>	<u>NAMA INSTITUSI</u>	<u>JENIS</u>	<u>KOS</u>	<u>NILAI</u>	<u>NILAI</u>
			<u>PENEMPATAN</u>	<u>PENEMPATAN</u>	<u>PENEMPATAN</u>
			<u>DANA</u>	<u>DANA</u>	<u>DANA KE ATAS</u>
			<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>NILAI ASET BERSIH</u>
					<u>%</u>
A DEPOSIT ISLAM					
1	Bank Muamalat Malaysia Bhd	Komoditi Murabahah	243,540	244,198	17.75
2	CIMB Islamic Bank Bhd	Komoditi Murabahah	245,889	245,976	17.88
3	Hong Leong Islamic Bank Bhd	Komoditi Murabahah	247,005	247,395	17.99
4	RHB Islamic Bank Bhd	Komoditi Murabahah	250,000	250,859	18.24
Jumlah Deposit Islam			986,434	988,428	71.86

9. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

◆ KANDUNGAN PORTFOLIO

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 30 November.

◆ KAEDAH HARGA TUNGGAL (SINGLE PRICING REGIME - SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunapakai bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusaniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

◆ HARGA JUALAN SEUNIT

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada pemegang-pemegang unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusaniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan sebanyak 6% (berkuatkuasa 28 April 2014) kecuali 2% bagi PMB Sukuk Fund dan tiada caj jualan dikenakan bagi PMB Syariah Cash Management Fund.

◆ HARGA BELIAN SEUNIT

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada pemegang-pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Dana.

◆ NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga}} \times 100$$

◆ PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan})}{2} \div \text{Saiz Purata Dana dikira setiap hari urusaniaga}$$

◆ JUMLAH PULANGAN

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{NAB (cD bagi tahun kewangan semasa)} - 1 \times 100}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PENGAGIHAN PENDAPATAN (JIKA ADA)

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tahun kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ PERTUMBUHAN MODAL

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

◆ JUMLAH PURATA PULANGAN TAHUNAN

Jumlah purata pulangan tahunan dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan tahun bawah kajian}}$$

10. MAKLUMAT TAMBAHAN

• PEMBAYARAN PENGAGIHAN

Pembayaran pengagihan tunai (jika ada) akan dihantar dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan kepada pemegang-pemegang unit melalui cek ke alamat terkini di dalam daftar. Cek tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Harap ambil perhatian bahawa cek yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pengurus.**

• MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memaklumkan kepada Pengurus secara bertulis dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh tutup tahun kewangan Dana. **Walau bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik.** Pengagihan akan dilaburkan semula pada nilai NAB seunit yang dikira pada penutup hari urusniaga pertama selepas tarikh agihan. Tiada caj dikenakan ke atas pelaburan semula pengagihan. Walau bagaimanapun, pelaburan semula pengagihan melalui waran agihan akan dianggap sebagai jualan biasa.

• PERTUKARAN KE LAIN-LAIN DANA

Semua pemegang-pemegang unit Dana sedia ada diberi kemudahan untuk menukar Dana yang disertai ke lain-lain Dana [kecuali PMB Syariah TNB Employees Fund]. Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- caj pertukaran dana yang dikenakan bagi Dana yang mempunyai caj jualan yang sama adalah tidak melebihi RM25.00 bagi setiap transaksi.
- walau bagaimanapun, tiada caj pertukaran dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi ke Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang lebih rendah.
- caj pertukaran pada kadar caj jualan semasa pula akan dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran Dana dari Dana yang tiada atau mempunyai caj jualan yang rendah ke lain-lain Dana yang mempunyai caj jualan yang lebih tinggi.
- unit akan ditebus dan dibeli unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada RM1,000.

• KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

PMB INVESTMENT BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi BANK SIMPANAN NASIONAL, CIMB BANK BERHAD, MALAYAN BANKING BERHAD/MAYBANK ISLAMIC BERHAD dan RHB BANK BERHAD/RHB ISLAMIC BANK BERHAD. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

- **MENUKAR MILIK**

Unit-unit Dana anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat Pengurus. Pembeli atau penerima unit akan dikenakan caj tukar milik tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

- **CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
(GOODS AND SERVICES TAX - GST)**

Berkuatkuasa 1 April 2015, semua caj yang dikenakan adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%.

- **PROSES PENYUCIAN**

Zakat

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada mana-mana pelabur yang beragama Islam dan entiti Islam ke atas perolehan/pendapatan dari pelaburan. Walau bagaimanapun, Dana tidak memperuntukkan bayaran untuk zakat yang dikenakan ke atas perolehan modal pengagihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, bayaran zakat ke atas perolehan modal dan pengagihan pendapatan adalah menjadi tanggungjawab pelabur-pelabur untuk berbuat demikian.

Penentuan jumlah zakat adalah dengan mengambil kira jumlah pelaburan perolehan modal dan pengagihan pendapatan dalam tahun kewangan didarabkan dua persepuluh lima peratus (2.5%).

- **PERLINDUNGAN TAKAFUL**

Berkuatkuasa 28 April 2013, pemegang-pemegang unit yang menepati syarat yang ditetapkan layak mendapat perlindungan tertakluk kepada kelulusan dari Etiqa Takaful Berhad.

Untuk membuat tuntutan, pemegang unit atau waris atau penerima pusaka perlu memberitahu PMB INVESTMENT BERHAD dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.

11. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

PEJABAT JUALAN:

Ibu Pejabat

Level 21, 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: (03) 27859800 Faks: (03) 27859901
E-mel: investorrelation@pelaburanmara.com.my

Wilayah Tengah

Tingkat 1, Wisma PMB
No. 1A, Jalan Lumut
50400 Kuala Lumpur
Tel: (03) 40454000 Faks: (03) 40443800
H/P: (013) 2710392 (Suhaila Malzuki)
E-mel: pmbi.central@pelaburanmara.com.my
suhaila@pelaburanmara.com.my

Wilayah Utara

No. 46 1/F Jalan Todak 2
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Perai, Pulau Pinang
Tel: (04) 3909036 Faks: (04) 3909041
H/P: (012) 4703914 (Ahmad Shahril Md Yusof)
E-mel: pmbi.north@pelaburanmara.com.my
shahril@pelaburanmara.com.my

Wilayah Timur

Lot D103, Tingkat 1, Mahkota Square
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545
H/P: (017) 7710117 (Ameer Khalifa Mohd Azman)
E-mel: pmbi.east@pelaburanmara.com.my
ameer.khalifa@pelaburanmara.com.my

Wilayah Selatan

No. 17-01, Jalan Molek 1/29
Taman Molek, 81100 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120
H/P: (017) 2809653 (Mohd Shohada Ahmad Mokhtar)
E-mel: pmbi.south@pelaburanmara.com.my
shohada@pelaburanmara.com.my

PEJABAT JUALAN:

Sarawak

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah
93350 Kuching, Sarawak
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)
E-mel: pmbi.sarawak@pelaburanmara.com.my
john@pelaburanmara.com.my

Sabah

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419
H/P: (013) 8808273 (Hadjira@Azeera Mangguna)
E-mel: pmbi.sabah@pelaburanmara.com.my
azeera@pelaburanmara.com.my

PEJABAT AGENSI:

Kuala Lumpur

Najdiah Abu Bakar
Heroroz Ventures Resources
19-1 Jalan Danau Lumayan, Bandar Permaisuri
56000 Kuala Lumpur
H/P: (019) 2773776
E-mel: najdiah.abubakar@gmail.com

Melaka

Datuk Md. Ramly bin Mohamad
No. 253-A, Jalan TMR 3, Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: (06) 2815051 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859
E-mel: dtkmdr@yahoo.com.my

EJEN INSTITUSI:

Phillip Mutual Bhd
Apex Investment Services Bhd
iFast Capital Sdn Bhd

PERKHIDMATAN AUTODEBIT:

Bank Simpanan Nasional
CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad/Maybank Islamic Berhad
RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad

12. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Sebarang pertanyaan mengenai Dana, sila hubungi bahagian Perhubungan Pelabur melalui:

- E-mel : investorrelation@pelaburanmara.com.my
- Telefon : (03) 2785 9900

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

LAPORAN INI BUKANLAH TAWARAN UNTUK MENJUAL UNIT. BAKAL PELABUR DIKEHENDAKI MEMBACA PROSPEKTUS INDUK DAN/ATAU PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN DANA INI DENGAN TELITI SEKIRANYA INGIN MELABUR. SEKIRANYA ANDA MERASA RAGU, SILA BERUNDING DENGAN PENASIHAT PELABURAN ANDA TENTANG SKIM INI. PENCAPAIAN DANA INI PADA MASA LALU BUKANNYA PETUNJUK ATAU GAMBARAN PENCAPAIANNYA PADA MASA HADAPAN. HARGA UNIT DAN PULANGAN KE ATAS PELABURAN AKAN BERUBAH-UBAH MENGIKUT NILAI PASARAN.

13. BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PELABUR